

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN
BILANGAN 21 TAHUN 2019


**PENENTUAN KADAR CUKAI BAGI TANAH-TANAH KATEGORI PERTANIAN
YANG TIDAK DITETAPKAN SYARAT NYATA**

Pekeling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali ke 23 tahun 2019 yang telah bersidang pada 06 November 2019 telah menimbang dan meluluskan kadar cukai bagi tanah-tanah kategori Pertanian yang tidak ditetapkan syarat nyata.

2. Penentuan kadar cukai bagi tanah-tanah kategori Pertanian yang tidak ditetapkan syarat nyata adalah sebagaimana berikut:

- 2.1 Bagi kawasan Jajahan Kecil Lojing di mana terdapat tanah-tanah kegunaan Pertanian yang tidak mempunyai syarat nyata, hendaklah menggunakan kadar sebanyak RM250.00 sehektar iaitu mengikut syarat nyata Tanaman Jangka Pendek Komersial di Tanah Tinggi di bawah Kaedah 14, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966;
- 2.2 Manakala bagi kawasan selain dari Jajahan Kecil Lojing yang terdapat tanah-tanah kegunaan Pertanian yang tidak mempunyai syarat nyata, hendaklah menggunakan kadar sebanyak RM100.00 sehektar iaitu mengikut syarat nyata Hasil Ladang Hutan Komersial di bawah Kaedah 14, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 dimana

- keluasan tanah tidak kurang dari 40 hektar sebagaimana definisi 'tanah estet' berdasarkan Seksyen 214A(11) Kanun Tanah Negara 1965;
- 2.3 Bagi tanah-tanah kategori Pertanian yang berkeluasan lebih dari 40 hektar dalam kawasan Tanah Desa (*Country Land*), hendaklah menggunakan cukai Pertanian Tanah Desa yang tertinggi iaitu syarat nyata Kelapa Sawit dengan kadar RM175.00 sehektar; dan
- 2.4 Sekiranya pemilik tanah tidak berpuas hati dengan kadar cukai yang dikenakan, pemilik tanah tersebut boleh membuat permohonan untuk memasukkan syarat nyata sebagaimana Seksyen 124 (1) (c) Kanun Tanah Negara 1965. Kadar cukai akan dikenakan berdasarkan syarat nyata yang dimasukkan. Tanah itu akan menjadi tertakluk kepada syarat nyata yang dimasukkan dan tindakan boleh diambil sekiranya berlaku pelanggaran syarat.
3. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta-merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.



**DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL, D.P.S.K.KELANTAN, K.M.N
PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI KELANTAN**

KEPADA:

YABhg.Dato'/Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs.Pengarah Audit Negeri Kelantan
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3,KOTA DARULNAIM
NO.FAIL : PTG.KN.16/4/39
TARIKH : 22 DISEMBER 2019
BERSAMAAN 25 RABIUL AKHIR 1441H**